



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

**PANDUAN PENDAFTARAN CALON
*MALYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)***

SESI NOVEMBER 2015

**UNTUK
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI/
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH/
SEKOLAH/INSTITUSI**

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
BANDAR BARU SELAYANG

TARIKH KEMASKINI: 21 APRIL 2015

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	HALAMAN
1.	Tarikh Penting Pendaftaran Calon MUET Sesi November 2015	3
2.	Syarat Kelayakan untuk Menduduki MUET	5
3.	Tempoh Sah Laku	5
4.	Kertas yang Ditawarkan	5
5.	Bayaran untuk Menduduki Ujian	5
6.	Cara Pendaftaran untuk Menduduki MUET	5
7.	Calon Istimewa	7
8.	Tarikh Pendaftaran, Tarikh Ujian, dan Tarikh Tutup Perpindahan Pusat	7
9.	Pusat Ujian	8
10.	Angka Giliran Calon	8
11.	Penyata Pendaftaran MUET (MUET/PP)	8
12.	Slip Daftar MUET (MUET/D)	9
13.	Senarai Pengawasan Pusat Ujian	9
14.	Perpindahan Pusat Ujian	9
15.	Permohonan Menumpang Pusat Ujian	10
16.	Penarikan Diri dan Penangguhan Menduduki Ujian	10
17.	Data Maklumat Pendaftaran Calon	10
18.	Calon Lewat	10
19.	Keputusan MUET	10
20.	Rayuan Penyemakan Semula Keputusan MUET	10

1 TARIKH PENTING PENDAFTARAN CALON MUET SESI NOVEMBER 2015

Bil.	Tarikh Bagi Jenis Calon		Perkara
	Sekolah/Institusi (Calon Jenis 1, 2, 4, 5, 6, dan 7)	Persendirian Individu (Calon Jenis 3)	
1.	27 April 2015 – 5 Mei 2015* (Isnin – Selasa)	27 April 2015 – 5 Mei 2015* (Isnin – Selasa)	Taklimat oleh Sektor Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri (SPP JPN)/Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) ke sekolah/institusi tentang pendaftaran calon sekolah/institusi secara <i>Online</i> melalui portal MPM http://www.mpm.edu.my atau http://online.mpm.edu.my .
2.	5 Mei 2015 (Selasa)	5 Mei 2015 (Selasa)	Pendaftaran calon sekolah/institusi dan calon persendirian individu bagi MUET sesi November 2015 secara <i>Online</i> melalui portal MPM http://www.mpm.edu.my atau http://online.mpm.edu.my DIBUKA .
3.	19 Jun 2015 (Jumaat)	19 Jun 2015 (Jumaat)	Pendaftaran calon sekolah/institusi dan calon persendirian individu bagi MUET sesi November 2015 secara <i>Online</i> DITUTUP .
4.	3 Julai 2015 (Jumaat)	-	Penghantaran borang Maklumat Calon Istimewa dari Segi Penglihatan (Buta) (MUET/C5) dan borang Maklumat Calon Istimewa dari Segi Penglihatan (Rabun), Anggota/Spastik, Pertuturan (Sengau), dan Pendengaran (Kurang Dengar/Pekak) [MUET/C6(Pindaan 2006)] oleh sekolah/institusi ke SPP JPN.
5.	23 Jun 2015 (Selasa)	23 Jun 2015 (Selasa)	Tarikh akhir pengesahan data pendaftaran calon dan penghantaran Senarai Pusat Ujian [MUET/C3 (Edisi JPN)] oleh SPP JPN dengan memastikan perkara yang berikut: (a) Tiada pusat dan calon yang tercicir. (b) Mengenal pasti sekolah/institusi yang belum menjelaskan yuran pendaftaran untuk dimaklumkan ke MPM. (c) Mengenal pasti pusat yang ingin melanjutkan tempoh pendaftaran dan memaklumpkannya ke MPM. (d) Maklumat Calon Istimewa dari Segi Penglihatan (Buta) telah dihantar ke MPM (jika ada). (e) Maklumat Calon Istimewa dari Segi Penglihatan (Rabun, Anggota/Spastik, Pertuturan(Sengau), dan Pendengaran (Kurang Dengar/Pekak) telah dihantar ke MPM (jika ada).
6.	10 Julai 2015 (Jumaat)	10 Julai 2015 (Jumaat)	Penghantaran borang Maklumat Calon Istimewa dari Segi Penglihatan (Buta) (MUET/C5) dan borang Maklumat Calon Istimewa dari Segi Penglihatan (Rabun), Anggota/Spastik, Pertuturan (Sengau), dan Pendengaran (Kurang Dengar/Pekak) [MUET/C6(Pindaan 2006)] oleh SPP JPN ke MPM.
7.	10 Julai 2015 (Jumaat)	10 Julai 2015 (Jumaat)	Tarikh akhir pengesahan MUET/C3 (Edisi MPM) oleh SPP JPN dan penghantarannya kepada SUB (PSM) MPM melalui faksimile 03-61367329.
8.	13 Julai 2015 (Isnin)	13 Julai 2015 (Isnin)	Penghantaran Jadual Pergerakan Pemeriksa 800/2 <i>Speaking</i> (Edisi JPN) oleh SPP JPN kepada SUB (PSM) MPM melalui faksimile 03-61367329.

Bil.	Tarikh Bagi Jenis Calon		Perkara
	Sekolah/Institusi (Calon Jenis 1, 2, 4, 5, 6, dan 7)	Persendirian Individu (Calon Jenis 3)	
9.	4 Ogos 2015 (Selasa)	4 Ogos 2015 (Selasa)	Tarikh akhir pengesahan Jadual Pergerakan Pemeriksa 800/2 <i>Speaking</i> (Edisi MPM) oleh SPP JPN dan penghantarannya kepada SUB (PSM) MPM melalui faksimile 03-61367329.
10.	6 Ogos 2015 (Khamis)	6 Ogos 2015 (Khamis)	MUET/D calon dimuat naik ke portal MPM http://www.mpm.edu.my untuk disemak dan dicetak oleh calon. Calon dikehendaki membawanya ke pusat ujian sebagai tiket untuk menduduki ujian.
11.	21 Ogos 2015 (Jumaat)	21 Ogos 2015 (Jumaat)	Tarikh akhir penghantaran salinan MUET/D yang telah dibuat catatan pembetulan oleh Pengetua/calon kepada SUB (PSM) MPM/SPP JPN (calon menggunakan MUET/D yang asal – catatan pembetulan akan dibuat pada sijil keputusan kelak).
12.	21 Ogos 2015 (Jumaat)	21 Ogos 2015 (Jumaat)	Permohonan perpindahan pusat ujian ditutup .
13.	28 Ogos 2015 (Jumaat)	28 Ogos 2015 (Jumaat)	Tarikh akhir SPP JPN menghantar borang Perpindahan Pusat Ujian (MUET/C2) kepada SUB(PSM) MPM dengan memastikan perkara yang berikut: (a) Semua borang MUET/C2 telah disemak. (b) Semua bayaran perpindahan pusat ujian telah diterima.
14.	7, 8, 9, 10, 14, dan 15 September 2015 (Isnin – Selasa)	7, 8, 9, 10, 14, dan 15 September 2015 (Isnin – Selasa)	Tarikh ujian <i>Speaking</i> MUET.
15.	4 November 2015 (Rabu)	4 November 2015 (Rabu)	Penghantaran Senarai Pegawai Pengawasan (MUET/C8) ke MPM.
16.	7 November 2015 (Sabtu)	7 November 2015 (Sabtu)	Tarikh ujian bertulis MUET sesi November 2015.
17.	5 Jan 2016** (Selasa)	5 Jan 2016** (Selasa)	Pengumuman keputusan MUET sesi November 2015.

* Tempoh adalah tertakluk kepada keputusan SPP JPN.

**Tertakluk kepada pindaan dan keputusan Ketua Eksekutif MPM.

2 SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENDUDUKI MUET

Tiada sebarang syarat yang dikenakan untuk menduduki MUET.

3 TEMPOH SAH LAKU

Keputusan MUET yang dikeluarkan sebelum tahun 2009, tempoh sah lakunya adalah sehingga **18 Julai 2013** manakala keputusan MUET yang dikeluarkan mulai tahun 2009, tempoh sah lakunya ialah **lima tahun** mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.

4 KERTAS YANG DITAWARKAN

Kertas yang ditawarkan dalam ujian MUET meliputi empat kertas seperti yang berikut:

Kod Kertas	Nama Kertas
800/1	<i>Listening</i> (30 minit)
800/2	<i>Speaking</i> (30 minit)
800/3	<i>Reading</i> (90 minit)
800/4	<i>Writing</i> (90 minit)

* Untuk maklumat lanjut sila rujuk Sukatan Pelajaran MUET (*Regulations, Test Specifications, Test Format, and Sample Questions*) yang dapat diperoleh melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.

5 BAYARAN UNTUK MENDUDUKI UJIAN

(a) Bayaran untuk menduduki ujian MUET adalah seperti yang berikut:

Yuran pendaftaran	RM 40.00
Yuran mata pelajaran	RM 60.00
Jumlah	<u>RM100.00</u>

Bayaran perlu dibuat dengan cara membeli nombor PIN MEC daripada Bank Simpanan Nasional (BSN) atau perbankan internet. Maklumat lanjut sila layari <http://online.mpm.edu.my>.

Nota: **BSN akan mengenakan caj sebanyak RM1.06 bagi setiap pembelian nombor PIN MEC.**

- (b) Pembelian nombor PIN MEC oleh sekolah/institusi di Bank Simpanan Nasional (BSN) selain boleh dibuat secara tunai dan cek di kaunter, ianya juga boleh dibeli melalui kiosk BSN atau secara perbankan internet.
- (c) Sekolah/Institusi dinasihatkan untuk berunding dengan cawangan BSN terlebih dahulu jika hendak membuat pembelian nombor PIN MEC secara pukal melalui cek. Kelulusan pembelian nombor PIN MEC secara pukal melalui cek adalah tertakluk kepada kelulusan cawangan BSN tersebut.
- (d) Bayaran yang telah dibuat akan terpapar pada Penyata Pendaftaran MUET (MUET/PP) untuk rujukan calon.
- (e) Bayaran pembelian PIN MEC **tidak akan dikembalikan** sekiranya calon gagal mendaftar pada tarikh yang telah ditetapkan. PIN MEC yang telah dibeli itu juga **tidak boleh** digunakan untuk mendaftar MUET sesi yang berikutnya.

6 CARA PENDAFTARAN UNTUK MENDUDUKI MUET

6.1 Calon Sekolah/Institusi

- (a) Pendaftaran calon sekolah/institusi dilakukan secara *Online* melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> atau <http://online.mpm.edu.my>.

- (b) SPP JPN hendaklah terlebih dahulu mengemaskini maklumat sekolah/institusi yang akan menjadi pusat ujian sebelum pendaftaran dibuka.
- (c) Pengetua sekolah/institusi hendaklah memaklumkan nama Setiausaha Peperiksaan (SUP) sekolah/institusinya kepada SPP JPN dan PPD.
- (d) Taklimat tentang kaedah pendaftaran secara *Online* di peringkat daerah kepada semua SUP sekolah/institusi hendaklah diberikan oleh pegawai PPD.
- (e) Pihak sekolah/institusi juga boleh mendapatkan maklumat tentang pendaftaran calon MUET untuk sekolah/institusi melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.
- (f) Pihak sekolah/institusi perlu mendapatkan Nama Pengguna dan Kata Laluan daripada SPP JPN untuk masuk ke dalam sistem pendaftaran *Online* ini. SUP sekolah/institusi dinasihatkan agar memuat turun/mencetak **Manual Sekolah** dalam <http://online.mpm.edu.my> yang terpapar pada ikon sekolah untuk rujukan sebelum memulakan aplikasi sistem pendaftaran *Online* tersebut.
- (g) Pengetua sekolah/institusi hendaklah mengarahkan SUP untuk menguruskan pendaftaran sekolah/institusinya dengan mengambil tindakan yang berikut:
 - (i) Mengemaskini maklumat sekolah yang terdapat dalam sistem pendaftaran *Online*
 - (ii) Mengisi data maklumat pendaftaran calon bagi sekolah/institusinya yang ingin menduduki MUET
 - (iii) Mengenalpasti calon istimewa dari segi penglihatan (buta atau rabun), anggota (spastik), pendengaran (kurang dengar/pekak), pertuturan (sengau), dan selain daripada yang dinyatakan, dan mendaftarkannya bersama-sama dengan calon lain tetapi **pemberitahuan** bahawa calon tersebut adalah calon istimewa dan kemudahan yang dipohon adalah seperti tindakan pada **para 7**.
 - (iv) Memastikan nombor PIN MEC disediakan dengan secukupnya oleh calon sekolah/institusi yang ingin menduduki MUET
 - (v) Menyemak maklumat awal pendaftaran calon melalui Penyata Pendaftaran MUET (MUET/PP) seperti ejaan nama, nombor Kad Pengenalan dan maklumat lain yang tercatat pada MUET/PP adalah betul, dan mengemaskininya jika terdapat pindaan oleh calon. MUET/PP ini boleh digunakan sebagai bukti pendaftaran telah dibuat bagi menuntut Slip Daftar MUET (MUET/D) calon (jika maklumat calon tiada dalam semakan MUET/D).
 - (vi) Memastikan data maklumat pendaftaran calon adalah betul sebelum membuat pengesahan secara *Online*
 - (vii) Menyemak MUET/D bagi calon sekolah/institusinya dan menyediakan buku log bagi merekodkan penyemakan MUET/D oleh calon
 - (viii) Memaklumkan maklumat calon sekolah/institusinya yang cicir kepada SPP JPN atau MPM jika terdapat calon yang telah didaftarkan tiada dalam semakan MUET/D dengan kadar **SEGERA**
 - (ix) Mematuhi tarikh akhir pengesahan data maklumat pendaftaran/bahan/dokumen pendaftaran seperti yang telah ditetapkan oleh SPP JPN.

6.2 Calon Persendirian individu

- (a) Pendaftaran calon persendirian individu juga dibuat secara *Online* melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> atau <http://online.mpm.edu.my>.

- (b) Calon persendirian individu dinasihatkan supaya mendapatkan maklumat tentang pendaftaran MUET melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> dan merujuk kepada **Manual Calon Persendirian Individu** yang terpapar pada ikon calon persendirian individu dalam <http://online.mpm.edu.my> untuk rujukan sebelum memulakan aplikasi sistem pendaftaran *Online* tersebut.
- (c) Bagi calon yang baru pertama kali mendaftar ujian MUET, calon perlu mendaftar sebagai Pengguna MESP terlebih dahulu. Sila klik ikon Daftar Pengguna pada portal dan isikan maklumat ringkas yang diperlukan berserta katalaluan. **Calon yang berjaya mendaftar Pengguna MESP tidak bermakna telah berjaya mendaftar MUET.** Calon perlu log masuk sistem pendaftaran kembali menggunakan katalaluan yang telah ditetapkan tersebut dan meneruskan pendaftaran.
- (d) Bagi calon yang pernah mendaftar MUET sebelum ini, sila log masuk menggunakan Pengguna ID dan katalaluan yang telah ditetapkan semasa pendaftaran yang lalu. Sekiranya calon lupa katalaluan tersebut, sila klik pada butang Lupa Kataluan atau boleh menghubungi MPM.
- (e) Calon boleh memilih pusat ujian yang dikehendaki semasa membuat pendaftaran secara *Online* tetapi kelulusan adalah tertakluk kepada SPP JPN. SPP JPN berhak untuk memindahkan calon persendirian individu ke pusat lain selain daripada yang telah dipilih.
- (f) Calon istimewa dari segi penglihatan (buta atau rabun), anggota (spastik), pendengaran (kurang dengar/pekak), pertuturan (sengau), dan selain daripada yang dinyatakan juga mendaftar secara *online* tetapi **pemberitahuan** bahawa calon tersebut adalah calon istimewa dan keistimewaan yang dipohon adalah seperti tindakan pada **para 7.**

7 CALON ISTIMEWA

- (a) Calon istimewa dari segi penglihatan (buta atau rabun), anggota (spastik), pendengaran (kurang dengar/pekak), pertuturan (sengau), dan selain daripada yang dinyatakan hendaklah dimaklumkan kepada SPP JPN **selewat-lewatnya pada 3 Julai 2015.**
- (b) Maklumat tentang ketidakupayaan dan kemudahan yang dipohon hendaklah dimaklumkan dengan jelas dan lengkap dalam borang **MUET/C5** atau **MUET/C6 (Pindaan 2006)** (mana-mana yang berkenaan) mengikut jenis ketidakupayaan yang dapat diperoleh dan **dicetak** daripada portal MPM <http://www.mpm.edu.my> atau <http://online.mpm.edu.my>. Sila sertakan salinan dokumen sebagai bukti ketidakupayaan yang dialami seperti laporan perubatan, Kad Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan pengesahan Pengetua (jika calon sekolah/institusi). **Kemudahan yang boleh diberikan kepada calon istimewa hanya akan dipertimbang jika borang MUET/C5 atau MUET/C6 (Pindaan 2006) (mana-mana yang berkenaan) diterima oleh MPM.**
- (c) SPP JPN hendaklah mengumpulkan borang MUET/C5 atau MUET/C6 (Pindaan 2006) yang diterima dan seterusnya menghantar borang tersebut ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**).

8 TARIKH PENDAFTARAN, TARIKH UJIAN, DAN TARIKH TUTUP PERPINDAHAN PUSAT

PERKARA	MUET SESI NOVEMBER 2015
Tarikh Pendaftaran Dibuka	5 Mei 2015
Tarikh Pendaftaran Ditutup	19 Jun 2015
Tarikh Tutup Perpindahan Pusat Ujian	21 Ogos 2015
Tarikh Ujian <i>Speaking</i> MUET	7, 8, 9, 10, 14, dan 15 September 2015
Tarikh Ujian Bertulis	7 November 2015

* Kalendar MUET 2015 dapat diperoleh dan dicetak daripada portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.

9 PUSAT UJIAN

9.1 Nombor Pusat Ujian

Nombor pusat ujian hendaklah ditentukan oleh SPP JPN sebelum pendaftaran dibuka.

9.2 Bilangan Calon

Bilangan calon di sesuatu pusat ujian **tidak** boleh lebih daripada **216 orang** .

9.3 Penetapan Pusat Ujian

- (a) Penempatan calon persendirian individu di sesebuah pusat ujian adalah tertakluk kepada kelulusan SPP JPN. SPP JPN berhak untuk memindahkan calon persendirian individu ke pusat lain selain daripada yang telah dipilih.
- (b) SPP JPN juga boleh menumpangkan calon sekolah/institusi di pusat lain jika difikirkan bilangan calon di sekolah/institusi tersebut tidak ekonomik dari segi pengendalian ujian. Namun demikian, pertimbangan ini perlu mengambil kira beberapa faktor seperti kedudukan geografi/lokasi dan latar belakang calon di sekolah/institusi tersebut. Namun demikian, perbincangan/perundingan dengan Pengetua sekolah/institusi yang berkenaan perlu dibuat sebelum tindakan ini diambil.

9.4 Senarai Pusat Ujian MUET (MUET/C3)

- (a) Senarai Pusat Ujian (MUET/C3) merupakan dokumen penting yang mengandungi kod pusat, nama sekolah/institusi, jenis calon, dan bilangan calon yang didaftarkan di sesebuah negeri.
- (b) SPP JPN perlu menyemak dan meneliti MUET/C3 edisi JPN dan edisi MPM sebelum membuat pengesahan bagi mengelakkan tiada pusat dan calon yang tercicir. Keciciran pusat dan calon akan menimbulkan kesulitan dari segi pengendalian ujian terutamanya dari aspek bekalan kertas soalan.

10 ANGKA GILIRAN CALON

Angka giliran calon bagi semua calon akan ditetapkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Angka giliran calon ini akan diberitahu melalui Slip Daftar MUET (MUET/D).

11 PENYATA PENDAFTARAN CALON (MUET/PP)

- (a) Butiran pendaftaran awal calon boleh disemak melalui Penyata Pendaftaran calon (MUET/PP). Pihak sekolah/institusi dan calon persendirian individu hendaklah **mencetak/menyimpan MUET/PP** sebagai bukti pendaftaran telah berjaya. Pendaftaran MUET masih **belum lengkap** sekiranya MUET/PP gagal dicetak/disimpan.
- (b) Pihak sekolah/institusi dan calon persendirian individu hendaklah menyemak MUET/PP bagi memastikan semua maklumat yang tercetak adalah betul.
- (c) Bagi calon sekolah/institusi, jika terdapat sebarang pindaan pada nombor Kad Pengenalan atau ejaan nama, sila kemukakan pindaan tersebut kepada SUP sekolah/institusi untuk dikemaskinikan.
- (d) Calon persendirian individu perlu mengemas kini butiran pendaftaran sendiri secara *Online* tetapi pengemaskinian tersebut hanya dihadkan sebanyak **dua kali** sahaja.

12 SLIP DAFTAR MUET (MUET/D)

- (a) Pengesahan butiran pendaftaran calon untuk menduduki MUET akan diberitahu kepada calon dalam Slip Daftar MUET (MUET/D) melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> **mulai 6 Ogos 2015**. Jika maklumat calon tiada dalam senarai MUET/D, sila hubungi terus MPM dengan kadar **SEGERA**. Bagi calon sekolah/institusi, sila hubungi MPM melalui Pengetua sekolah/institusi masing-masing.
- (b) Calon sekolah/institusi perlu menyemak MUET/D melalui SUP masing-masing dan hendaklah menandatangani buku log sebagai bukti semakan telah dibuat.
- (c) Calon hendaklah menyemak butiran yang tercatat pada MUET/D seperti nombor Kad Pengenalan, nama, angka giliran, pusat untuk menduduki ujian, tarikh, dan waktu ujian. Jika terdapat kesilapan, calon dikehendaki mengisi **Borang Pindaan Maklumat Calon (MUET/C9)** yang boleh dicetak melalui portal MPM dan menghantarkan ke MPM dengan **kadar segera**. Permohonan pindaan selepas **dua minggu** MUET/D dimuatnaik di portal MPM akan dikenakan caj sebanyak **RM25.00**. Pindaan maklumat juga hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Pengawas di pusat ujian untuk dicatatkan dalam Buku Rekod Pengawasan. Pindaan hanya akan dibuat pada sijil keputusan MUET yang akan dikeluarkan kelak.
- (d) Calon hendaklah memastikan bahawa ejaan nama dan nombor kad pengenalan yang betul tertera pada MUET/D. Calon hendaklah menggunakan nombor kad pengenalan yang sama semasa ujian kelak. Sebarang kesilapan akan menimbulkan salah faham dengan Pengawas ujian kelak dan akan menyusahkan calon sendiri.
- (e) Calon boleh menyemak status MUET/D melalui Sistem Mesej Singkat (SMS) dengan menaip **MUET <jarak>INFO<jarak>No. Kad Pengenalan dan hantar ke 15888**.

13 SENARAI PENGAWASAN PUSAT UJIAN

- (a) SPP JPN hendaklah melantik Penyelia Kawasan, Ketua Pengawas, dan Pengawas selepas MUET/C3 edisi MPM disahkan. Format borang Senarai Pegawai-Pegawai Pengawasan (MUET/C8) dapat diperoleh dan dicetak daripada portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.
- (b) MUET/C8 yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar ke MPM **selewat-lewatnya seminggu sebelum ujian MUET bertulis bermula**. Maklumat boleh dihantar secara emel ke MPM.

14 PERPINDAHAN PUSAT UJIAN

14.1 Penyerahan oleh calon ke SPP JPN

Permohonan untuk berpindah dari satu pusat ujian ke satu pusat ujian yang lain hendaklah menggunakan borang MUET/C2. Perpindahan pusat hanya akan dibenarkan jika alasan-alasan yang dikemukakan adalah munasabah. Bayaran sebanyak **RM25.00** akan dikenakan dan perlu dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia. Permohonan hendaklah dikemukakan oleh calon bersama bayarannya kepada Ketua Sektor Penilaian dan Peperiksaan sebelum atau pada **21 Ogos 2015**.

14.2 Penghantaran oleh SPP JPN ke Majlis Peperiksaan Malaysia

Semua permohonan perpindahan pusat ujian dan bayarannya hendaklah disemak dan dihantar kepada Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET, Majlis Peperiksaan Malaysia **selewat-lewatnya pada 28 Ogos 2015**. Wang bayaran permohonan bagi calon yang tidak diluluskan perpindahan pusat ujiannya akan dikembalikan.

15 PERMOHONAN MENUPIANG PUSAT UJIAN

- (a) Calon yang ditolak permohonannya untuk berpindah pusat ujian kerana permohonannya lewat mungkin dibenarkan menumpang pusat ujian.
- (b) Calon yang menumpang untuk mengambil ujian di sesuatu pusat ujian atas sebab-sebab peribadi mestilah mendapat kelulusan Majlis Peperiksaan Malaysia terlebih dahulu. Calon hendaklah membuat permohonan kepada Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia melalui borang MUET/C2 dan hendaklah menyertakan bayaran sebanyak **RM25.00** yang dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia. **Permohonan hanya akan dipertimbangkan jika kertas soalan di pusat berkenaan mencukupi.**

16 PENARIKAN DIRI DAN PENANGGUHAN MENDUDUKI UJIAN

- (a) Calon yang menarik diri daripada menduduki MUET dikehendaki mengisi borang **Calon Menarik Diri (MUET/C4)** yang dapat diperolehi dan dicetak daripada portal MPM <http://www.mpm.edu.my>. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke Majlis Peperiksaan Malaysia bersama dengan surat bukti **sebelum** calon menduduki kertas ujian MUET yang pertama.
- (b) Calon yang menarik diri daripada menduduki ujian tidak akan dikembalikan yuran ujian **kecuali** calon yang **sakit berpanjangan** (surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan hendaklah dikemukakan) atau calon yang **meninggal dunia** (salinan surat Perakuan Kematian hendaklah dikemukakan oleh warisnya) atau calon yang diluluskan permohonannya untuk **memasuki Institut Pengajian Tinggi Awam** (salinan surat kelulusan hendaklah dikemukakan oleh calon).
- (c) Pada dasarnya, calon yang memohon untuk menanggung daripada menduduki ujian adalah tidak akan dilayan, namun SPP JPN atau pihak sekolah/institusi boleh menasihati calon untuk mengemukakan rayuan kepada Majlis Peperiksaan Malaysia (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) untuk tindakan selanjutnya.

17 DATA MAKLUMAT PENDAFTARAN CALON

- (a) SPP JPN hendaklah mengenal pasti dan memantau sekolah/institusi atau daerah/bahagian yang mempunyai calon MUET untuk memastikan calon sekolah/institusi atau daerah/bahagian tersebut mendaftar untuk mengambil ujian MUET **sebelum tarikh tutup pendaftaran.**
- (b) SPP JPN juga digalakkan untuk memberitahu Pengetua sekolah/institusi supaya **mengisi data maklumat pendaftaran calon dan menghantar dokumen yang berkaitan lebih awal** bagi mengelakkan sebarang kelewatan yang boleh menimbulkan masalah.

18 CALON LEWAT

Calon yang ingin mendaftar untuk menduduki MUET selepas tarikh tutup pendaftaran hendaklah diarahkan menghantar permohonan terus kepada **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia** untuk dipertimbangkan.

19 KEPUTUSAN MUET

Keputusan MUET bagi calon sekolah/institusi akan dihantar kepada Pengetua sekolah/institusi berkenaan melalui SPP JPN manakala bagi calon persendirian individu, keputusan akan dihantar melalui pos.

Calon juga boleh menyemak keputusan ujian melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> atau melalui SMS dengan menaip **MUET<jarak>RESULT<jarak>No. Kad Pengenalan dan hantar ke 15888.**

20 RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN MUET

Calon boleh membuat rayuan penyemakan semula keputusan ujian MUET dengan bayaran **RM70.00**. Tempoh permohonan rayuan penyemakan semula ialah **seminggu** selepas tarikh keputusan ujian MUET diumumkan.